

Jokowi umum peraturan atasi keganasan kanak-kanak di Indonesia

JAKARTA – Presiden Indonesia Joko Widodo (Jokowi) mengeluarkan Peraturan Presiden No. 101 Tahun 2022 mengenai Strategi Nasional Penghapusan Keganasan Terhadap Kanak-Kanak, lapor stesen penyiaran CNN Indonesia semalam.

Perintah itu ditandatangani Jumaat lalu di tengah-tengah peningkatan kes gangguan seksual yang berleluasa melibatkan institusi pendidikan.

“Bahawa untuk melindungi kanak-kanak daripada keganasan, kita perlu meningkatkan usaha untuk mencegah dan menangani keganasan dan diskriminasi terhadap kanak-kanak,” demikian menurut peraturan berkenaan.

Perkara lain yang menjadi pertimbangan pada ketika ini adalah jumlah kes keganasan terhadap kanak-kanak di Indonesia yang masih tinggi sehingga peranan pemerintah perlu dioptimumkan.

Berdasarkan data pemerintah, dari 2016 hingga 2020, seramai 54,366 kanak-kanak menjadi mangsa keganasan. Daripada jumlah ini, 37,435



mangsa adalah perempuan, manakala 16,931 ialah lelaki.

Data sama menunjukkan secara amnya, terdapat peningkatan kes daripada 7,879 mangsa pada 2016 kepada 10,770 mangsa pada 2020.

Pertimbangan lain Jokowi dalam mengeluarkan perintah tersebut ialah undang-undang dan peraturan semasa berkaitan penghapusan keganasan terhadap kanak-kanak masih belum optimum dalam memberikan pencegahan dan rawatan.

Perintah Presiden itu bertujuan membentuk strategi nasional yang akan menjadi rujukan kepada pemerintah pusat dan daerah dalam mencegah dan menangani kekerasan terhadap kanak-kanak. – AGENSI



JOKOWI menandatangani Perintah Presiden mengenai Strategi Nasional Penghapusan Keganasan Terhadap Kanak-Kanak. – ANTARA FOTO/BPMI